

0075

R 8968 AAB
MAHATHIR - MASALAH

KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN MALAYSIA AKAN DAPAT MENGATASI PELBAGAI MASALAH POLITIK DAN EKONOMI YANG DIHADAPINYA.

KATANYA, APA YANG PENTING IALAH RAKYAT NEGARA INI MEMAHAMI MASALAH-MASALAH ITU DAN TIDAK MENGANGGAPNYA SATU TEKANAN.

+TIDAK SEORANGPUN DAPAT Mencari penyelesaian kepada setiap masalah yang dihadapi melainkan dengan sumbangan daripada setiap rakyat negara ini,+ KATANYA SEMASA SESSI SOAL JAWAB PADA MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM KELAB KEBANGSAAN WARTAWAN-WARTAWAN MALAYSIA DI SINI MALAM INI.

BELIAU MENARIK PERHATIAN SEMASA NEGARA MENGHADAPI MASALAH PERGADUHAN KAUM PADA 1969 DI MANA TERDAPAT LAPORAN YANG MENGATAKAN BAHAWA DEMOKRASI DI MALAYSIA AKAN MATI DAN TIDAK AKAN MENEMPA KEMAJUAN.

SEBALIKNYA, TEGAS BELIAU, MALAYSIA TERUS MAJU DENGAN KADAR PEMBANGUNAN MENINGKAT LEBIH DARIPADA ZAMAN SEBELUM 1969. -- LAGI.
2353MST 10 03 86

0077

R 8969 AAB
MAHATHIR - MASALAH 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT JANGANLAH MENGANGGAP SETIAP MASALAH ITU SEBAGAI SATU TEKANAN KERANA ANGGAPAN SEDEMIKIAN AKAN MENEKAN MEREKA. MEREKA SEBALIKNYA PERLU BERSAMA-SAMA Mencari penyelesaian.

+RAKYAT HENDAKNYA JANGAN CEMAS DENGAN KEADAAN SEKARANG DAN SEMUA PIHAK PERLU MEMAINKAN PERANAN,+ TEGAS BELIAU.

KERAJAAN, DALAM MENGHADAPI KEJATUHAN HARGA BARANGAN, TELAHPUN MENYUSUN BEBERAPA RANCANGAN UNTUK MENYESUAIKAN TINDAK-TANDUKNYA DENGAN KEADAAN TERUTAMA PENURUNAN KOS KEHIDUPAN.

+JATUHNYA HARGA PETROLEUM MEMERLUKAN KERAJAAN MERANGKA BEBERAPA PENURUNAN HARGA, ANTARANYA PENURUNAN HARGA DIESEL DAN HARGA ELEKTRIK UNTUK KILANG-KILANG YANG TIDAK LAGI MAMPU MENJALANKAN KEGIATAN KERANA KETINGGIAN KOS,+ KATANYA. -- BERNAMA.

0003MST 11 03 86